

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedia membantu anak-anak bukan warganegara yang dilahirkan di luar negara kepada warganegara Malaysia, dan menetap di sini, untuk menikmati kos rawatan kesihatan yang sama rata seperti warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Pengenaan caj perubatan bagi pesakit yang berstatus warganegara Malaysia adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 / Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.** Pesakit yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mengemukakan bukti dokumen seperti kad pengenalan (MyKid / MyKad) atau sijil kelahiran Malaysia yang mencatatkan status warganegara Malaysia bagi menikmati caj warganegara.
2. **Pesakit yang gagal mengemukakan bukti dokumen berkaitan akan dikenakan caj warga asing berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.**
3. Bagi kanak-kanak berstatus bukan warganegara yang berumur 12 tahun ke bawah, lahir di Malaysia dan memegang Sijil Kelahiran Malaysia serta bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia adalah layak untuk menikmati caj warganegara.
4. Selain itu, kanak-kanak bukan warganegara yang berumur sehingga 18 tahun yang diambil sebagai anak angkat kepada pasangan suami isteri warganegara dengan sijil pengangkatan anak yang sah adalah turut diberikan peluang menikmati kadar caj warganegara.
5. **Sehubungan itu bagi kanak-kanak berstatus bukan warganegara di mana ibu atau bapa kepada kanak-kanak berkenaan adalah berstatus warganegara, mereka akan dikenakan caj warga asing.** Kementerian ini menyarankan agar ibu bapa kanak-kanak tersebut merujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendapatkan pengesahan taraf kewarganegaraan dan dokumen pengenalan diri berkenaan bagi membolehkan kanak-kanak tersebut menikmati kemudahan caj warganegara.

Sekian, terima kasih.